

Utusan Khas PBB sokong amaran Mahathir

23 JUL 2003

KUALA LUMPUR 22 Julai
— **Utusan Khas** Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke Myanmar, **Tan Sri Razali** Ismail hari ini menyatakan sokongannya terhadap amaran Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa Myanmar mungkin boleh disingkirkan dari ASEAN jika gagal membebaskan pemimpin prodemokrasi. Aung San Suu Kyi.

Razali memberitahu AFP bahawa komen Perdana Menteri mengenai pengusiran Myanmar dari ASEAN sebagai satu pilihan terakhir menunjukkan keadaangemakin meruncing.

“PBB banyak bergantung kepada ASEAN untuk mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi cuba mendapatkan pembebasan Suu Kyi dan mewujudkan perubahan demokratik di Myanmar.

“Kenyataan Perdana Menteri itu menunjukkan keadaan semakin meruncing,” tegas beliau.

“ASEAN dimalukan oleh sebuah negara anggotanya dan ASEAN berhak menuntut satu sikap yang baik di segi pemerintahan,” kata bekas diplomat Malaysia itu.

Beliau berkata, kenyataan Dr. Mahathir itu yang dibuat dalam satu wawancara dengan AFP menunjukkan bahawa beliau bimbang dengan kemajuan yang dicapai berhubung isu itu

“Ada ketikanya Myanmar mesti bertanggungjawab terhadap rakan-rakannya iaitu anggota-anggota ASEAN,” tambahnya. — AFP